

aura.

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my

keibubapaan.

Program tingkat jati diri modal insan

Kenal pasti bakat, beri kemahiran agar keluar dari kepompong gejala sosial



info

Pusat Pemerkasaan Remaja UKM

- Objektifnya, menyuntik disiplin, meningkatkan potensi diri dan menyemai sifat kepimpinan.
- Ditubuh pada 1 Februari 2010.
- Misi, menjadi pusat kecemerlangan bertaraf antarabangsa mendalami isu remaja
- Menggunakan pendekatan strategi pemerkasaan
- Strategi merangkumi proses intervensi, penyelidikan dan penjaan pangkalan data.



Remaja adalah pelapis dalam siri pembangunan negara. Justeru, semua pihak perlu mengemblem tenaga dan usaha mencari pendekatan terbaik untuk menangani masalah sosial dalam kalangan remaja hari ini.

Antara masalah sosial masih membarah dalam isu remaja adalah mat rempit, penagihan dadah, buli dan melepak yang masih tiada noktah.

Justeru, keprihatinan empat agensi, PERMATA, Pusat Pemerkasaan Remaja Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Latihan Kor Polis Tentera Diraja (PULAPOT) dan Bikerz United Motorsports Club; membantu remaja bermasalah keluar dari kepompong gejala sosial wajar diberi pujian.

Semat tekad baharu

Empat agensi berkenaan bekerjasama mengadakan program kem PERKASA remaja di bawah Pusat Pemerkasaan Remaja yang membabitkan seramai 30 remaja berusia antara 16 hingga 25 tahun. Menerusi program itu, potensi yang

ada pada diri remaja terbabit begitu menyerlah.

Pada majlis perasmian penutup program yang diadakan, di ibu negara, baru-baru ini, riak wajah remaja yang tamat mengikuti program itu memperlihatkan modal insan baharu yang menempa semangat dan keyakinan tinggi.

Selepas tiga minggu mengharungi pelbagai kursus, ilmu dan kemahiran daripada tenaga pengajar di kem PULAPOT, masing-masing menanam tekad baharu.

Malah, ada antara mereka seolah-olah tidak mahu pulang kerana terlalu gembira mempelajari pelbagai modul pembelajaran selari dengan minat mereka. Sifat kasih sayang antara mereka umpama adik-beradik.

Apatah lagi, sepanjang tempoh pembelajaran, remaja lelaki ini diajar pelbagai cabang ilmu. Antaranya penerokaan dan pengurusan sendiri, pemerkasaan sendiri dan kerohanian.

Mahu berubah

Mereka turut didedahkan dengan aktiviti seperti perkhemahan, tempur

tanpa senjata, kawad dan teknik berlumba motosikal dengan selamat.

Antara yang mencuri perhatian adalah bakat terpendam remaja ini melakukan aksi akrobatik bermotosikal yang begitu teliti, mencabar dan menarik tumpuan.

Apa yang pasti, mereka mahu berubah dan keluar dari sisi kehidupan gelap pernah dilalui.

Dihina masyarakat, dikedam dengan perkataan maki dan kesat, antara episod duka pernah dilalui sebahagian remaja ini dan harapan mereka kini mahu kembali kepada masyarakat dan membina jati diri untuk masa depan gemilang.

Tekad jadi insan berguna

Bagi peserta, Muhd Allzi Yunan, 24, beliau berkata, pengalaman selama 21 hari dalam kem berkenaan sukar dilupakan dan berharap ilmu diberikan oleh tenaga pengajar dapat dimanfaatkan kerana ia begitu berharga.

"Di luar, kami pasti tidak dapat ilmu ini secara percuma. Program ini memberikan kami semangat